

**BAHAGIAN A**

**[60 MARKAH]**

Jawab *semua* soalan

1. (a) Gambar di bawah menunjukkan sumber ekonomi yang terlibat dalam proses pengeluaran



Terangkan ciri sumber ekonomi di atas.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

- (b)(i) Maklumat berikut suatu sistem ekonomi sebuah negara.

- Pembuat pilihan terdiri daripada isi rumah dan firma sahaja.
- Contoh negara yang mengamalkan sistem ekonomi ini ialah Hong Kong.

Jelaskan ciri lain sistem ekonomi negara tersebut.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

(c) Jadual yang berikut menunjukkan kuantiti permintaan dan kuantiti penawaran bagi barang X di pasaran.

Harga (RM)	Kuantiti Barang (unit)	
	Permintaan Pasaran	Penawaran Pasaran
30	160	40
40	130	70
50	70	130

(i) Dengan menggunakan kertas graf, lukiskan keluk keseimbangan pasaran berdasarkan maklumat dalam jadual di atas.

[4 markah]

(ii) Berdasarkan jawapan pada C(i), tentukan harga dan kuantiti keseimbangan pasaran.

[2 markah]

(d)(i) Jadual di bawah menunjukkan harga dan kuantiti permintaan bagi 2 jenis barang

Harga (RM)	Kuantiti Diminta (Unit)	
	Barang Y	Barang Z
12	20	40
14	25	45

Hitung keanjalan harga permintaan bagi kedua-dua jenis barang apabila harga meningkat dari RM12 ke RM14.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(ii) Tafsirkan keanjalan permintaan di 1(d)(i), bagi barang Y.

.....

.....

.....

.....

.....  
[2 markah]

2. (a) Gambar di bawah menunjukkan logo sebuah institusi kewangan.



Huraikan fungsi institusi kewangan di atas.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

(b) Gambar di bawah menunjukkan promosi barangan keperluan pengguna pada era moden.



Mengapakah kaedah pembayaran secara kredit lebih menjadi pilihan pengguna?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[5 markah]

(c) Jadual di bawah menunjukkan jumlah keluaran dan kos pengeluaran bagi sesebuah firma

Jumlah Keluaran (unit)	Jumlah Kos (RM)	Kos Purata (RM)	Kos Marginal (RM)
0	240	-	-
1	290	290	50
2	330	<b>Y</b>	40
3	350	116.7	20
4	380	95	<b>Z</b>
5	<b>X</b>	90	70
6	560	93.3	110

(i) Berapakah nilai bagi X, Y dan Z?

.....

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

(ii) Jelaskan hubungan kos purata dan kos marginal pada tingkat keluaran berikut:

(a) Keluaran 0 – 3

.....

.....

.....

[2 markah]

(b) Keluaran 3 – 4

.....

.....

.....

[2 markah]

(c) Keluaran 4 – 6

.....

.....

.....

[2 markah]

(d) Jelaskan konsep produktiviti

.....

.....

.....

[2 markah]

3. Petikan di bawah menyatakan tentang isu graduan institusi pengajian tinggi di negara ini masih belum mendapat pekerjaan sebelum konvokesyen.

Kuala Lumpur 17 Mac- Sebuah Sistem Kajian Pengesanan Graduan telah di buat pada tahun 2015 dan didapati bahawa sebanyak 54, 867 atau 23.9 peratus daripada 228,568 graduan institusi pengajian tinggi di negara ini belum mendapat pekerjaan dalam tempoh tiga bulan sebelum konvokesyen.

*Dipetak dan diubah suai daripada petikan “54,867 graduan menganggur tiga bulan sebelum konvekesyen”, Shamsul Iskandar, Utusan Online, Mac 2015*

(a) Berdasarkan berita di atas, apakah jenis pengangguran yang berlaku di Malaysia? Jelaskan pengangguran tersebut.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[5 markah]

(b) Jadual menunjukkan syarat sewa beli bagi tahun 2014 dan tahun 2015.

Tahun	Pinjaman Maksimum	Tempoh Pinjaman
2014	90%	10 tahun
2015	60%	3 tahun

Jelaskan tindakan lain yang perlu diambil oleh Bank Pusat untuk mengawal ketidakstabilan ekonomi di atas.

.....  
.....

.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

(c) Jelaskan kelebihan dan kekurangan liberalisasi perdagangan

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

(d) Jadual di bawah menunjukkan perubahan kadar pertukaran asing antara Dollar Singapura (SGD) berbanding Ringgit Malaysia (RM) bagi tempoh tiga tahun

TAHUN	2014	2015	2016
RM bagi seunit SGD	2.5930	2.6463	3.0376

(i) Apakah arah aliran kadar pertukaran Ringgit Malaysia (RM) berbanding Dollar Singapura (SGD) di Jadual?

.....  
.....

[1 markah]

(ii) Berdasarkan jawapan anda di 3(d)(i), jelaskan kesan perubahan tersebut terhadapimbangan dagangan Malaysia.

.....  
.....  
.....

.....  
.....  
[6 markah]

**BAHAGIAN B**

**[40 MARKAH]**

Jawab *dua* soalan sahaja.

4. Maklumat berikut mengenai pembentangan Bajet 2021.

Dalam Bajet 2021, Kerajaan Persekutuan telah mengurangkan kadar cukai pendapatan perseorangan supaya dapat membantu golongan M40, oleh itu pendapatan boleh guna individu akan meningkat dan menyebabkan permintaan barang turut meningkat.

- (a) Terangkan 2 faktor yang mempengaruhi permintaan selain di atas. [4 markah]
- (b) Dengan bantuan gambarajah, jelaskan kesan pengurangan kadar cukai pendapatan perseorangan tersebut terhadap pasaran barang dan perkhidmatan. [7 markah]
- (c) Setujukah anda, pengurangan kadar cukai pendapatan akan memberi kesan positif terhadap ekonomi negara. [9 markah]

5. Maklumat berikut berkaitan dengan inflasi.

Kuala Lumpur : Public Investmen Bank BHD (PIVB) mengekalkan unjuran kenaikan tiga peratus dalam Indeks Harga Pengguna(IHP) untuk tahun 2022 berbanding peningkatan 2.5 peratus tahun lalu.

Malaysia mencatat kenaikan inflasi sebanyak 3.1 peratus bagi tempoh Januari-Ogos 2022,sejajar dengan jangkaan pasaran sebanyak 3.2 peratus untuk tahun 2022.Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri(Ekonomi) Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, Kenaikan itu

juga disebabkan oleh permintaan domestik yang kukuh, harga komoditi yang tinggi dan gangguan kepada rantai bekalan global.

(Sumber: Diubah suai daripada Bernama 2022)

(a) Terangkan dua jenis inflasi dalam petikan tersebut.

[4 markah]

(b) Perubahan kadar inflasi pada tahun 2022 memberi kesan ke atas ekonomi.

Bincangkan.

[9 markah]

(c) Cadangkan tindakan yang perlu anda laksanakan untuk menangani kesan pada 5(a).

[7 markah]

6. Maklumat di bawah berkaitan dengan masalah ketidakstabilan ekonomi.

Isu pemberhentian pekerja oleh beberapa syarikat di negara ini bukan disebabkan oleh kelembapan ekonomi tetapi lebih kepada penutupan ladang dan kecenderungan syarikat besar menggunakan lebih banyak mesin berbanding pekerja.

Sumber : *Ubah suai*

BERNAMA 14 Ogos 2019

(a) Jelaskan kesan pengangguran terhadap masalah sosial negara.

[4 markah]

(b) Adakah anda bersetuju penggunaan teknologi yang canggih dapat meningkatkan produktiviti sesebuah syarikat? Kemukakan alasan anda.

[9 markah]

(c) Bagaimanakah dasar kewangan dapat memperbaiki keadaan ekonomi tersebut?

[7 markah]

7. Maklumat berikut berkaitan dengan kadar pertukaran asing di Malaysia.



KUALA LUMPUR: Ringgit susut berbanding dolar AS pada akhir urus niaga Rabu dengan mencecah paras terendah baharu dalam tempoh 24 tahun, selepas terus diasak tekanan susulan jangkaan pihak Rizab Persekutuan Amerika Syarikat AS (Fed) menaikkan lagi kadar faedah akibat inflasi tinggi.

Unit tempatan itu susut kepada 4.5265/5285 berbanding dolar AS daripada 4.5070/5085 pada akhir urus niaga semalam.

Ringgit melepasi paras 4.5200 pada pagi ini yang juga angka terendah baharu dalam tempoh 24 tahun berbanding dolar AS.

Sumber: <https://www.bharian.com.my>, 14 September 2022

- a) Selain perkara di atas, jelaskan dua faktor yang menyebabkan kejatuhan nilai Ringgit Malaysia tersebut. [5 markah]
- b) Huraikan dua kepentingan Malaysia perlu memiliki Dollar Amerika Syarikat. [6 markah]
- c) Huraikan kesan perubahan kadar pertukaran asing tersebut terhadap ekonomi negara. [9 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**